

PENERBITAN ARTIKEL OLEH JABATAN KHIDMAT KORPORAT 2025

TERBITAN : DEWAN EKONOMI | INFO CUKAI

KELUARAN : MAC 2025

TAJUK : PELAKSANAAN E-INVOIS DI MALAYSIA

MEMACU TRANSFORMASI SISTEM PERCUKAIAN SECARA DIGITAL

Info Cukai

Oleh: HASIL

Pelaksanaan e-Invois di Malaysia

Memacu Transformasi Sistem Percukaaian secara Digital

Pelaksanaan e-Invois di Malaysia merupakan satu daripada inisiatif digital oleh kerajaan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan urus niaga perniagaan dan memudahkan urusan pelaporan cukai. Pelaksanaan e-Invois yang kini telah memasuki fasa kedua mulai 1 Januari 2025, memperlihatkan peningkatan penyertaan pembayar cukai yang sangat meyakinkan.

Sehingga bulan Januari 2025, lebih daripada 7,000 pembayar cukai Fasa II telah menggunakan sistem e-Invois, manakala Fasa III turut mencatatkan penyertaan awal secara sukarela lebih daripada 4,900 pembayar cukai. Secara umumnya, lebih daripada 17,000 pembayar cukai (syarikat/perniagaan/organisasi) telah menggunakan sistem ini secara aktif yang melibatkan pengeluaran sekitar 137 juta e-Invois. Jumlah tersebut disokong dengan peningkatan yang berterusan dan menunjukkan bahawa trend positif pelaksanaan e-Invois semakin difahami serta diterima baik oleh pembayar cukai.

Pelaksanaan e-Invois secara menyeluruh akan bermula pada 1 Julai 2025 yang melibatkan semua pembayar cukai termasuklah perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Oleh itu, persediaan awal semua pihak dalam menjayakan pelaksanaan e-Invois ini amat digalakkan dari segi informasi, ketersediaan sistem, sumber manusia dan sebagainya.



CARIS MASA PELAKSANAAN E-INVOIS

1 Ogos 2024

Pembayar cukai
dengan
pendapatan atau
jualan tahunan
melebihi RM100 juta

1 Januari 2025

Pembayar cukai
dengan pendapatan
atau jualan tahunan
melebihi RM25 juta
dan sehingga
RM100 juta

1 Julai 2025

Semua pembayar
cukai

Sebarang pertanyaan, permohonan atau cadangan
berkaitan dengan pelaksanaan e-Invois, e-melkan kepada:
myinvois@hasil.gov.my

E-Invois: Transformasi Digital untuk Pengurusan Invois Lebih Cepak

E-Invois ialah dokumen digital yang merekodkan transaksi antara penjual dengan pembeli, termasuklah maklumat barangan, harga, kuantiti dan cukai. Sebagai menyokong inisiatif ini, HASiL menyediakan portal MyInvois yang boleh diakses dan digunakan secara percuma bagi proses penghantaran e-Invois. Selain itu, aplikasi MyInvois juga telah dibangunkan untuk kemudahan pembayar cukai.

Portal dan aplikasi mudah alih ini menawarkan ciri utama untuk memudahkan proses penghantaran e-Invois bagi pembayar cukai seperti penjejakan e-Invois dengan mudah, penyimpanan data yang selamat serta integrasi secara langsung kepada sistem HASiL. Kemudahan yang disediakan ini membolehkan pembayar cukai mengurus penghantaran e-Invois mereka dengan cekap dan mematuhi piawaian peraturan HASiL.

Pembayar cukai boleh merujuk portal MyInvois (<https://www.hasil.gov.my/e-invois/portal-myinvois/video-panduan-pengguna>) bagi mendapatkan panduan lengkap serta video panduan pengguna. Kini, pembayar cukai boleh melaksanakan e-Invois menerusi aplikasi MyInvois melalui telefon pintar masing-masing pada bila-bila masa dan di mana-mana jua.

Fungsi Carian TIN Memperkukuh e-Invois

Sejak pelaksanaan e-Invois, pembayar cukai menghadapi beberapa cabaran dalam aspek operasi perniagaan atau teknikal. Antaranya termasuklah kesukaran pihak penjual untuk mendapatkan maklumat Nombor Pengenal Cukai (TIN) pembeli bagi tujuan pengeluaran e-Invois pada peringkat awal pelaksanaan. Sehubungan dengan itu, HASiL telah menyediakan platform perkhidmatan carian TIN bagi tujuan yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 yang merangkumi aktiviti percukaian termasuklah bagi pelaksanaan e-Invois.

Pembayar cukai boleh mengakses platform carian TIN melalui Portal MyTax (<https://mytax.hasil.gov.my>) di menu Carian TIN. Mereka boleh membuat carian TIN dengan memasukkan maklumat mengikut kategori seperti yang berikut:

1. Individu: Nombor Pengenal (Nombor Kad Pengenal/Nombor Pasport); dan
2. Selain Individu: Nombor Pendaftaran Perniagaan (BRN) atau Nama Pembayar Cukai yang didaftarkan di HASiL bagi mereka yang tidak mempunyai BRN.

Bagi memudahkan pelaksanaan e-Invois, fungsi carian TIN ini juga disediakan melalui mekanisme yang berikut:

1. Portal MyInvois; dan
2. Antara muka pengaturcaraan aplikasi (API) MyInvois. Maklumat lanjut berhubung penetapan fungsi carian TIN melalui API boleh didapati melalui kit pembangunan perisian (SDK) MyInvois.

Bagi menyokong penggunaan MyDigital ID, HASiL juga menyediakan akses carian TIN menerusi portal MyTax dengan menggunakan pengesahan identiti MyDigital ID. Fungsi ini hanya boleh digunakan oleh warganegara Malaysia sahaja.

Keselamatan Data e-Invois Terjamin

HASiL sentiasa memantau ketersediaan dan prestasi Sistem MyInvois berada pada tahap yang terbaik pada setiap masa bagi memastikan kelancaran pelaksanaan e-Invois tidak terjejas sama ada pada peringkat HASiL dan juga pembayar cukai.

HASiL juga sentiasa komited menyediakan sistem yang selamat serta melindungi integriti data sulit perniagaan bagi membolehkan pengendalian proses e-Invois yang cekap.

Insentif Cukai Mempercepat Pelaksanaan e-Invois

Kerajaan Malaysia memperkenalkan insentif cukai dalam Belanjawan 2024 untuk menyokong peralihan perniagaan, terutamanya PMKS ke arah pendigitalan dan inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Insentif utama termasuklah potongan cukai sehingga RM50,000 pada setiap tahun taksiran bagi perbelanjaan berkaitan dengan ESG, termasuklah kos pelaksanaan e-Invois. Inisiatif ini berkuat kuasa dari Tahun Taksiran (TT) 2024 hingga tahun 2027 untuk mempercepat transformasi digital, meningkatkan daya saing dan menyokong pembangunan ekonomi inklusif dan mampan.



Langkah persediaan yang teliti memastikan peralihan lancar kepada e-Invois, memudahkan perniagaan menyesuaikan diri dengan sistem percukaian digital.

Fasa Kedua: Mempermudah Pelibatan Peniaga dengan Kod QR e-Invois

Kod QR e-Invois memudahkan pengesahan transaksi antara pembeli dengan penjual di Malaysia dengan mengandungi maklumat seperti Nama Pembayar Cukai, TIN dan butiran transaksi. Maklumat ini boleh dimuat turun melalui portal MyTax, MyInvois atau Aplikasi MyInvois. Peniaga boleh mengimbas Kod QR menggunakan telefon pintar untuk mengakses maklumat pembeli dan invois yang disahkan.

Kod QR juga memudahkan kerja pengauditan untuk pihak berkepentingan dan menyokong pematuhan cukai. Kod ini dijanakan secara automatik selepas invois disahkan dan dimasukkan ke dalam invois digital atau dicetak. Walaupun terdapat cabaran, HASiL akan membantu pembayar cukai menerusi sesi libat urus, taklimat dan latihan dalam memastikan keberkesanan penggunaan Kod QR.

Fasa Ketiga e-Invois: Menyokong Masa Depan PMKS di Malaysia

PMKS menyumbang lebih daripada 38% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menyediakan banyak peluang pekerjaan. Fasa ketiga pelaksanaan e-Invois yang akan bermula pada 1 Julai 2025 memfokuskan PMKS dengan jualan kurang daripada RM150,000 setahun. Inisiatif ini bertujuan untuk mempermudah urusan perniagaan, meningkatkan kecekapan PMKS seterusnya memastikan pematuhan cukai yang lebih tinggi.

E-POS e-Invois: Automasi Pengurusan Perniagaan dan Ketelusan Cukai

Pelaksanaan e-POS e-Invois bertujuan untuk meningkatkan kecekapan perniagaan dengan automasi jualan, inventori serta invois dan memastikan ketelusan cukai kepada HASiL. Sistem ini juga membantu PMKS dengan rekod kewangan yang lebih teratur, dan membuka peluang kepada bantuan kewangan dan sebagainya berdasarkan rekod digital yang tersusun. Kemudahan ini diberikan secara percuma kepada PMKS dengan jualan tahunan kurang daripada RM250,000 sekali gus mengurangkan kos dan memudahkan urusan. Langkah persediaan seperti memilih sistem yang sesuai, memohon insentif dan meningkatkan literasi digital adalah penting kepada PMKS ke arah menghadapi era ekonomi digital.

Pelaksanaan e-Invois di Malaysia: Langkah Strategik ke Arah Transformasi Digital

HASiL turut menyediakan pelbagai saluran komunikasi bagi membolehkan pembayar cukai mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan dengan pelaksanaan e-Invois. Pembayar cukai disarankan untuk menghubungi saluran khas e-Invois yang disediakan oleh HASiL bagi mendapatkan bantuan khidmat nasihat berkenaan pelaksanaan e-Invois seperti yang berikut:

1. Meja Bantuan e-Invois HASiL melalui talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
2. Sembang Langsung MyInvois;
3. E-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
4. Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois melalui pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>.

Manfaatkan peluang yang disediakan dan jadilah perintis dalam memacu ekonomi digital Malaysia melalui e-Invois!



Kuiz Pelaksanaan e-Invois di Malaysia

R	M	C	O	J	D	S	V	J	M	S	C	H	F	T	V	X	I	L
H	U	W	Y	O	D	C	X	G	Q	K	N	T	S	I	O	U	A	U
K	T	O	G	H	S	X	Q	G	K	I	V	R	E	C	D	T	D	H
L	W	R	E	K	E	T	E	L	U	S	A	N	I	G	I	O	E	V
D	Y	D	A	A	F	J	R	I	D	P	C	F	K	G	H	A	F	M
T	A	H	U	N	A	N	W	A	J	U	G	W	I	A	G	S	T	Y
J	D	A	U	I	S	R	G	T	U	R	Y	D	W	F	D	K	H	I
P	E	H	T	Y	I	A	W	Y	J	I	Y	Q	D	S	C	M	H	N
E	B	I	S	Y	H	T	K	H	E	M	W	D	E	T	V	P	E	V
M	E	R	M	Y	B	G	W	S	W	Y	D	B	W	O	D	U	S	O
B	R	F	E	N	H	W	R	R	I	W	T	U	G	K	Y	T	H	I
E	S	C	Q	S	Y	I	W	Q	G	V	J	E	T	O	H	U	V	S
L	I	F	T	R	A	N	S	F	O	R	M	A	S	I	B	H	D	B
I	H	V	Q	R	D	V	Q	T	U	I	P	G	R	I	W	J	M	A
A	Q	U	W	U	F	E	X	F	T	U	P	R	O	S	I	B	Y	Y
N	I	B	F	J	C	N	D	O	U	Q	E	G	R	U	I	W	T	A
C	T	E	L	U	S	T	X	T	F	R	E	E	V	T	I	F	A	R
U	G	U	T	Q	R	O	Q	R	Y	I	O	E	P	S	T	U	X	W
R	O	Y	U	P	E	R	C	U	M	A	Q	G	Y	O	Z	H	W	O
I	P	I	Q	U	P	I	U	P	D	I	G	I	T	A	L	I	I	A

1. Fasa Kedua pelaksanaan e-Invois bermula pada 1 Januari 2025 dan melibatkan pembayar cukai dengan jualan _____ RM25 juta hingga RM100 juta.
2. PMKS yang mempunyai jualan tahunan kurang daripada RM250,000 boleh menggunakan e-POS e-Invois secara _____.
3. Fungsi carian TIN melalui platform digital HASiL memerlukan pengesahan melalui _____ ID.
4. Pelaksanaan e-Invois di Malaysia bertujuan untuk meningkatkan _____ dan kecekapan percukaian.
5. Kod QR e-Invois memudahkan pengesahan transaksi dengan mengandungi maklumat seperti nama pembayar cukai, TIN dan butiran _____.
6. Sistem e-Invois mematuhi piawaian keselamatan antarabangsa seperti ISO/IEC 27001 dan _____ 223.
7. Kod QR e-Invois boleh dimuat turun melalui Portal _____ MyInvois atau Aplikasi Mudah Alih MyInvois.
8. E-POS e-Invois membantu meningkatkan kecekapan perniagaan melalui automasi jualan, _____ dan invois.
9. Pelaksanaan e-Invois di Malaysia ialah inisiatif untuk mempercepat _____ digital.
10. Sistem e-Invois membantu _____ menyimpan rekod kewangan dengan lebih teratur.

Peraturan

1. Peraduan ini terbuka kepada pembaca *Dewan Ekonomi* berumur antara 15 tahun hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak dibenarkan menyertai peraduan ini.
2. Setiap penyertaan mesti disertakan dengan:
 - (i) Nama:
 - (ii) Alamat Rumah:
 - (iii) Nombor Kad Pengenalan:
 - (iv) Nombor Telefon:
 - (v) Nama Bank:
 - (vi) Nombor Akaun Bank: (Akaun Milik Peserta)
 - (vii) E-mel:
3. Jawapan hendaklah dihantar kepada LHDNM selewat-lewatnya pada 31 Mac 2025 melalui e-mel yang berikut:
 - (i) azizi.mamat@hasil.gov.my
 - (ii) muhammadhisham@hasil.gov.my
4. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan "siapa cepat, dia dapat" dan keputusan jawatankuasa adalah muktamad. Sebarang permohonan rayuan atau bantahan yang dikemukakan tidak akan dilayan.

Hadiah Menarik!
"RM100 Menanti Lima Pemenang yang Tepat dan Terpantas!"